KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	23/12/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	32
JABATAN	:	JMG			

Utusan 23.12.2021_32

Misi mencapai Lenggong Global Geopark pada 2023

PUTRAJAYA: Lenggong mampu ke hadapan dalam pelbagai sektor susulan pengiktirafan sebagai Geopark Kebangsaan yang baharu selain mampu memberi impak besar kepada Perak.

Ahli Parlimen Lenggong, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Nasarah berkata, pengiktirafan itu diharapkan dapat mengekalkan kelestarian alam semula jadi sekali gus menjana pendapatan rakyat melalui pelbagai kegiatan ekonomi seperti kewujudan kawasan penginapan pelancongan dan memperkasakan industri kecil dan sederhana (IKS).

Katanya, Lenggong mempunyai pelbagai keunikan sehingga diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada 2012 dan kini mendapat pengiktirafan terbaharu dan merupakan sesuatu yang besar ertinya.

"Pengiktirafan Lenggong mengiktiraf pelbagai sejarah formasi geologi yang bertaraf antarabangsa berikutan wujudnya sembilan tapak geoarkeologi. Malah sewaktu mengetuai Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, saya meminta penyelidikan dibuat di Lenggong bagi membolehkan Lenggong dinilai oleh Jawatankuasa Geopark Kebangsaan.

"Keunikan Lenggong turut diakui penyelidik. Lenggong Geopark yang berkeluasan 2,068 kilometer persegi kaya pelbagai keunikan landskap batuan seperti wujudnya 27 geotapak, lapan biotapak warisan biologi dan 18 tapak budaya," katanya di sini semalam.

Jelasnya, dalam usaha itu, pembangunan Lenggong mesti dilakukan supaya dapat diangkat sebagai Lenggong Global Geopark pada 2023.

"Saya mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat," katanya.